

0855

U B789 AAB
MUSA - TARIK

SUBANG, 14 MAC (BERNAMA) -- DATUK MUSA HITAM TELAH MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO.

PENGESAHAN INI TERKANDUNG DALAM KENYATAAN BELIAU YANG DIBACAKAN OLEH NAIB PRESIDEN UMNO, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, SEKEMBALINYA KE SINI SELEPAS MENGETUAI ROMBONGAN EMPAT ORANG MENTERI BESAR YANG MENEMUI DATUK MUSA DI LONDON.

DALAM KENYATAAN ITU, DATUK MUSA MENYATAKAN DENGAN KEPUTUSANNYA ITU, BELIAU MENYERU SEMUA ANGGOTA UMNO YANG BERSIMPATI KEPADA BELIAU ATAU SEBALIKNYA MENGHENTIKAN AKTIVITI KECAM MENGEKAM SERTA MENGENEPIKAN PERBEZAAN PENDAPAT.

DATUK MUSA MENEGASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK MERANCANG MENJATUHKAN PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

SEBALIKNYA, KATA BELIAU: + REKOD SAYA BOLEH MEMBUKTIKAN BAHAWA SAYA TELAH BERKERJA BEGITU BERSUNGGUH-SUNGGUH CUBA MEMPASTIKAN KEBERKESANAN DAN KEPIMPINANNYA+.-- LAGI.
2107MST 14 03 86

0886

U B806 AAB
MUSA - TARIK 2 SUBANG

R'8'.

DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR YANG JUGA MENTERI BESAR TERENGGANU PULANG BERSAMA-SAMA MENTERI BESAR JOHOR, DATUK ABDUL AJIB AHMAD, DAN MENTERI BESAR PAHANG, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK, BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELAMA 15 MINIT SEBELUM KE IPOH MALAM INI UNTUK MENYERAHKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR SURAT DATUK MUSA.

DATUK MUSA BERKATA, BELIAU TIDAK PERNAH MERAJUK DALAM HAL PERLETAKAN JAWATANNYA DAN OLEH ITU, TIDAK PERLULAH BELIAU DIPUJUK.

KATANYA, SOAL PERLETAKAN JAWATAN-JAWATAN BELIAU TIDAK BOLEH DIANGGAP + PERSONAL+ KERANA YANG TERBABIT IALAH PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI NEGARA INI.

SOAL POKOK IALAH SOAL KESETIAAN DAN KEPERCAYAAN DAN PADA HEMAT DATUK MUSA, PERDANA MENTERI DAN BELIAU BERSEPENDAPAT DALAM SOAL ITU.

KATANYA, PRINSIP SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN HENDAKLAH DIFAHAMI SEDALAM-DALAMNYA DAN DITERIMA.-- LAGI.
2200MST 14 03 86

0881

U B802 AAB
MUSA - TARIK 3 SUBANG

DATUK MUSA BERKATA, PERDANA MENTERI HENDAKLAH DIBERI KEBEBASAN MENUBUHKAN PASUKAN KABINETNYA YANG DIA SENDIRI BERKEPERCAYAAN PENUH,+ LEBIH-LEBIH LAGI ORANG NOMBOR DUANYA+.

KATA DATUK MUSA, TUJUAN BELIAU MELETAK JAWATAN IALAH UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PERDANA MENTERI, BERASAS KEPADA PRINSIP ITU.

DATUK MUSA MENGAKU SELAMA BELIAU DALAM KERAJAAN, MEMANG ADA JUGA DASAR DAN PELAKSANAAN PERDANA MENTERI YANG BELIAU TIDAK BERSETUJU.

+ TETAPI INI TIDAK MENJADI MASALAH BERASAS KEPADA PRINSIP DEMOKRASI BERPARLIMEN DI MANA TANGGUNGJAWAB BERSAMA, SAYA TERIMA DENGAN TENANG HATI DAN SABAR +, KATA DATUK MUSA.

DATUK MUSA BERKATA, BELIAU MEMBERI NOTIS 16 MAC UNTUK MEMBERI MASA KEPADA PERDANA MENTERI, YANG MENURUTNYA TEMPOH YANG PENDEK, UNTUK MEMILIH PENGGANTI BELIAU. -- LAGI.

2151MST 14 03 86

U 8811 AAB
MUSA - TARIK 4 SUBANG

DATUK MUSA BERKATA, BELIAU TIDAK ADA TUJUAN LAIN DAN SOAL KENA ATAU TIDAK MASANYA TIDAK DAPAT BELIAU ELAKKAN KERANA +SAYA DIBERITAHU ATAS KEDUDUKAN SAYA HANYA PADA WAKTU ITU+.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK MERANCANG MENJATUHKAN DATUK SERI DR MAHATHIR.

+ SEBALIKNYA REKOD SAYA BOLEH MEMBUKTIKAN BAHAWA SAYA TELAH BEKERJA BEGITU BERSUNGGUH-SUNGGUH CUBA MEMPASTIKAN KEBERKESANAN KEPIMPINANNYA+.

DATUK MUSA BERKATA DALAM PERTEMUAN-PERTEMUAN DENGAN KEDUA-DUA ROMBONGAN MAJLIS TERTINGGI DAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO JOHOR MEREKA MENYAMPAIKAN RAYUAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA BELIAU MENARIK BALIK PERLETAKAN SEMUA JAWATAN DALAM PARTI DAN KERAJAAN.

MEREKA MEMBERITAHU BELIAU BAHAWA UMNO +SEDANG BERGELORA DAN PARTI KITA TERANCAM+, KATA DATUK MUSA.-- LAGI.
2216MST 14 03 86

MUSA - TARIK 5 SUBANG

DATUK MUSA BERKATA BELIAU JUGA DINASIHATKAN SUPAYA SEKURANG-KURANGNYA MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO DEMI KEPENTINGAN PERPADUAN PARTI.

NASIHAT ITU BELIAU TERIMA SEBAGAI NASIHAT YANG IKHLAS DAN SETELAH BERBINCANG, DAN BERPANDUKAN SERAHAN DIRINYA KEPADA TAKDIR ILAHI, + SAYA DENGAN IKHLAS MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATAN SAYA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO+.

KATA DATUK MUSA, DENGAN KEPUTUSANNYA MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO, BELIAU MENYERU SEMUA ANGGOTA UMNO +YANG BERSIMPATI KEPADA SAYA ATAU SEBALIKNYA SUPAYA MENGHENTIKAN APA-APA JUGA AKTIVITI KECAM-MENGECEM DAN MENGENEPIKAN APA JUGA PERBEZAAN PENDAPAT +.

DATUK MUSA MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA +MERAPATKAN BARISAN KITA MENGHADAPI CABARAN-CABARAN MASA KINI KHUSUSNYA DALAM KONTEKS PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG+.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA +SAYA SENDIRI JUGA AKAN CUBA BERBUAT DEMIKIAN SEJAUH MANA YANG SAYA MAMPU, INSYALLAH +. -- LAGI.
2220MST 14 03 86

D912

U 8816 AAB
MUSA- TARIK 6 SUBANG

DATUK MUSA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA MT DAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI JOHOR KHUSUSNYA ATAS KESUDIAN MEREKA MENEMUINYA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH SERTA SABAR BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN DAN PENDAPAT SECARA JUJUR DAN IKHLAS.

BELIAU JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SELURUH ANGGOTA UMNO YANG TELAH MEMANDANG BERAT PERLETAKAN JAWATANNYA DALAM KERAJAAN DAN PARTI BARU-BARU INI.

SEMENTARA ITU, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR BERKATA, WALAUPUN DATUK MUSA BERSETUJU MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO, TETAPI BELIAU TIDAK BERGANJAK DARIPADA KEPUTUSAN MELETAKKAN JAWATAN DARI KABINET IAITU SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI DALAM NEGERI.

KATANYA, INI MENURUT DATUK MUSA, KERANA BELIAU HENDAK MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PERPADUAN PARTI.

MENURUT DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR, DATUK MUSA TELAH MENYATAKN WALAUPUN BELIAU TIDAK DAPAT MENGHADIRI MASYUARAT MAJLIS TERTINGGI AKAN DATANG, BELIAU AKAN BALIK KE TANAH AIR +SEBERAPA CEPAT YANG MUNGKIN+ UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT MT BERIKUTNYA. -- LAGI.

2246MST 14 03 86

0924

U 8818 AAB
MUSA- TARIK 7 SUBANG

MENTERI BESAR TERENGGANU ITU BERKATA ROMBONGAN ITU TELAH MENEMUI DATUK MUSA SEBANYAK DUA KALI IAITU PADA HARI ISNIN DAN RABU.

KATANYA, MEREKA TELAH BERBINCANG SECARA +IKHLAS DAN TERBUKA+ DENGAN TUMPUAN KEPADA PERPADUAN DAN KESTABILAN PARTI PADA PERTEMUAN PERTAMA YANG BERLANGSUNG SELAMA TIGA JAM.

DATUK MUSA KEMUDIAN MEMINTA DUA HARI UNTUK BERFIKIR, DAN DALAM PERTEMUAN KEDUA, KATA DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR, SUASANA ADALAH LEBIH BAIK.

DATUK MUSA MEMBERITAHU ROMBONGAN ITU BAHAWA BELIAU YANG MENYEDARI TANGGUNGJAWAB DAN KEPERCAYAAN PARA ANGGOTA UMNO KEPADANYA, AKAN MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN PARTI.

+BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA BELIAU AKAN BEKERJA SEPENUH MASA UNTUK MENJAMIN PERPADUAN PARTI DAN BERHARAP SEMUA ANGGOTA UMNO AKAN BEKERJASAMA,+ KATA DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR. -- LAGI.

2304MST 14 03 86

0925

U 8819 AAB
MUSA- TARIK 8 SUBANG

DATUK MUSA JUGA MEMBERIKAN SEPUCUK SURAT UNTUK DISAMPAIKAN KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG KANDUNGANNYA MENERANGKAN SEBAB-SEBAB BELIAU MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATANNYA DARIPADA PARTI DAN JUGA MENYENTUH ISU-ISU YANG DINYATAKANNYA DALAM SURAT PERLETAKAN JAWATANNYA.

DATUK AMAR WAN MOKHTAR BERKATA, KENYATAAN AKHBAR OLEH DATUK MUSA YANG DIBACAKANNYA (DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR) KEPADA PARA PEMBERITA IALAH UNTUK MENERANGKAN PENDIRIAN DATUK MUSA BERHUBUNG DENGAN PERLETAKAN JAWATANNYA DARIPADA KABINET DAN SEBAB-SEBAB BELIAU BERSETUJU MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEM UMNO.

DATUK ABDUL AJIB BERKATA, ROMBONGAN ITU TELAH DIBERIKAN TUGAS OLEH MAJLIS TERTINGGI DAN +KAMI BERPUAS HATI DENGAN KEJAYAAN YANG DICAPAI.+

KIRA-KIRA 00 ANGGOTA UMNO BERADA DI LAPANGAN TERBANG DI SINI UNTUK MENYAMBUK KEPULANGAN ROMBONGAN ITU DAN MEREKA TELAH BERTEPUK TANGAN APABILA WHEN DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR MENGUMUMKAN KEPUTUSAN DATUK MUSA ITU. -- BERNAMA

2306MST 14 03 86